



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN
24/1974**

*Memansuhkan Caveat Yang Dimasukkan Di Bawah
Perbekalan-Perbekalan Kanun Tanah Negara dan
Undang-Undang Tanah Yang Telah Dibatalkan*

Seksyen 328 Kanun Tanah Negara membekalkan bahawa kuasa kaveat persendirian (private caveat) akan luput enam tahun daripada tarikh ianya berkuatkuasa dan selepas daripada itu kaveat tersebut boleh dibatalkan oleh Pendaftar atas kehendak sendiri ataupun atas permohonan oleh mana-mana pihak yang berkepentingan. Pendaftar adalah juga diberi kuasa untuk membatalkan mana-mana kaveat yang telah dimasukkan di bawah Seksyen 381(1)(b) Kanun Tanah Negara atas alasan bahawa kaveat tersebut tidak terpakai lagi. Sesuatu tindakan yang diambil untuk membatalkan mana-mana kaveat seperti yang tersebut mustahaklah ditandatangani oleh Pendaftar dan deletakan mohornya. Sebab-sebab pembatalan hendaklah dicatatkan dengan salah satu daripada cara-cara berikut : “Kaveat telah luput kuasa” ataupun “Kaveat tidak terpakai lagi”.

2. bagi kaveat-kaveat yang telah dimasukkan menurut Undang-Undang tanah yang tidak terpakai lagi, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mengadakan peraturan-peraturan di bawah seksyen 445 Kanun Tanah Negara supaya kaveat-kaveat tersebut dianggap sebagai kaveat persendirian di bawah Kanun Tanah Negara. Peraturan-peraturan itu hendaklah berbunyi seperti berikut :

“ A Caveat entered under the (quote title of repealed land law) which corresponds in type to a private caveat under section 322 of the National Lan Code shall, if notsooner withdrawn or removed by an Oder of the Court, lapse at the expiry of six years from the commencement of the Code”.

Beberapa negeri telahpun mengadakan perbekalan yang tersebut di atas di dalam Peraturan-peraturan Tanah Negeri dan yang demikian bertindak untuk membatalkan kaveat-laveat yang telah tamat kuasa bolehlah diambil dengan serta-merta.

3. Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan supaya membatalkan tiap-tiap kemasukkan kaveat yang dibuat di bawah Kanun Tanah Negara (yang telah luput) dengan cara disebutkan di perenggan 1 di atas. Tindakan yang sama hendaklah juga diambil mengenai tiap-tiap kaveat yang telah dimasukkan di bawah Undang-undang Tanah yang telah dibatalkan (yang mana juga telah luput) seterusnya ataupun setelah diadakan perbekalan baru di dalam Peraturan-peraturan Tanah Negeri yang dimaksudkan oleh perenggan 2.



DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 252/6-13
Kuala Lumpur,
September, 1974